

PM **kaji** pembelian 450 keahlian **Kelab** Golf Rahman Putra

U... - 5 NOV 1992

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sedang mengkaji sama ada pembelian 450 keahlian Kelab Golf Rahman Putra oleh MARA mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pembelian tersebut melibatkan RM28.0 juta wang MARA.

Perdana Menteri berkata, beliau juga sedang meneliti apakah tugas MARA ialah untuk menjalankan perniagaan sepertimana dalam kes pembelian keahlian kelab golf tersebut atau menjalankan tugas sepertimana yang ia jalankan sekarang.

Bercakap kepada para pemberita selepas melancarkan buku 'Aishah Ghani Memoir Seorang

Pejuang' di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini petang ini, Dr. Mahathir menambah bahawa beliau sudahpun mendapat laporan lengkap mengenai pembelian keahlian kelab golf itu daripada Dato' Dr. Yusuf Noor dan Pengerusi MARA, Tamrin Ghtar.

Katanya, sehingga kajian itu selesai, beliau tidak boleh memberi pandangan lanjut mengenai perkara itu.

Isu mengenai pembelian keahlian Kelab Golf Rahman Putra itu menjadi kontroversi apabila media massa memetik laporan Berita Ahad lalu.

Laporan itu memetik sumber-sumber sebagai berkata bahawa

pembelian keahlian tersebut tidak sepatutnya berlaku kerana ia dibeli pada kadar yang terlalu tinggi.

Ia juga mempertikai keputusan pembelian itu sebagai sesuatu yang kurang bijak.

Sementara itu, Dr. Mahathir ketika ditanya mengenai keputusan DAP menolak penambahan tiga kerusi lagi untuk Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berkata, ia amat jelas sekali satu tindakan yang tidak demokratik.

"DAP telah meniadakan hak pengundi Pulau Pinang untuk menentukan wakil rakyat mereka sehelumpun para pengundi boleh berbuat demikian," kata Dr. Mahathir.

Katanya, DAP bercakap mengenai demokrasi tetapi dengan bertindak menolak usul penambahan tiga kerusi itu, mereka menafikan hak para pengundi untuk memilih wakil baru.

Beliau berkata, tujuan penambahan kerusi itu dibuat adalah untuk memberi peluang kepada pengundi mendapat khidmat yang lebih baik menerusi wakil rakyat yang ramai.

"Walaupun tindakan mereka (DAP) tidak demokratik tetapi itu tidak hairanlah kerana dalam parti itu sendiri pun suara ahli-ahlinya bukanlah seperti suara ahli-ahli UMNO," ujar beliau.